



19 MAY, 2021

Mahkamah Rayuan tangguh keputusan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kes seleweng dana SRC

Mahkamah Rayuan tangguh keputusan

Selesai dengar hujah Najib, peguam berlangung selama 15 hari

Putrajaya: Mahkamah Rayuan di sini semalam menangguhkan keputusannya selepas selesai mendengar rayuan Datuk Seri Najib Razak berhubung sabitan dan hukuman terdapatnya bagi kesalahan menyeleweng RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd (SRC), yang berlangsung selama 15 hari.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil menangguhkan keputusan itu ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Turut bersidang, Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membuat kajian dengan penuh teliti. Ia adalah satu rayuan memakan masa agak lama berbanding kes rayuan lain.

"Memandangkan rayuan ini membabitkan isu dan perkara amat penting seperti dihujahkan kedua-dua pihak, kami memerlukan masa membuat pertimbangan bagi membuat keputusan terhadap rayuan ini," kata Abdul Karim.

Terdahulu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan Timbalan Pendakwa Raya Datuk V Sithambaram menamatkan hujah masing-masing dalam prosiding rayuan itu.


Pada asalnya, rayuan bekas Perdana Menteri itu ditetapkan untuk pendengaran selama 12 hari bermula 5 hingga 8 April, 12 hingga 15 April dan 19 hingga

22 April namun atas permohonan pembelaan, panel terbabit memutuskan melanjutkan prosiding dari 27 hingga 28 April serta 6 Mei lalu.

Bagaimanapun, pendengaran yang dijadualkan pada 6 Mei ditangguhkan sehingga semalam selepas seorang peguam dalam pasukan pembelaan terpaksa menjalani kuarantin kerana menjadi kontak rapat beberapa individu positif COVID-19.

Najib mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Julai tahun lalu yang menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta selepas mendapati beliau bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan pecah amanah jenayah (CBT), pengubahan wang haram dan menyalahgunakan kedudukan, membatalkan RM42 juta dana SRC.

Hakim Mohd Nazlan menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun ke atas Najib bagi setiap per-



Najib di Mahkamah Rayuan Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tuduhan CBT dan pengubahan wang haram (masing-masing tiga pertuduhan) serta penjara 12 tahun dan denda RM210 juta atau penjara lima tahun, bagi pertuduhan menyalahgunakan kedudukan.

Bagaimanapun, beliau hanya perlu menjalani hukuman pe-

njara selama 12 tahun selepas hakim itu memerintahkan kesemua hukuman penjara berjalan serentak.

Ahli Parlimen Pekan itu kini dibebaskan selepas diikat jamin sebanyak RM2 juta dengan dua penjamin sementara menunggu rayuan.

BERNAMA



19 MAY, 2021

Mahkamah Rayuan tangguh keputusan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Selesai dengar hujah Najib, peguam berlangsung selama 15 hari

Putrajaya: Mahkamah Rayuan di sini semalam menangguhkan keputusannya selepas selesai mendengar rayuan Datuk Seri Najib Razak berhubung sabitan dan hukuman terhadapnya bagi kesalahan menyeleweng RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd (SRC), yang berlangsung selama 15 hari. Panel tiga hakim diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil menangguhkan keputusan itu ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.